

09 SEP 2003

Mahathir-Tilawah

TAFSIRAN BERBEZA al-Quran LEMAHKAN UMAT DAN UNTUNGAN MUSUHNYA

JOHOR BAHRU, 9 Sept (Bernama) -- Tafsiran yang berlainan dan kadangkala bertentangan terhadap ayat-ayat al-Quran telah memecahbelahkan umat Islam dan ini hanya menguntungkan musuh-musuhnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, kelainan tafsiran itu bukan sahaja memecahbelahkan umat Islam kepada mazhab, tarikat dan kumpulan-kumpulan yang begitu berlainan fahaman tetapi juga telah mendorong mereka untuk berbunuhan sesama sendiri.

"Amatlah sedih apabila kita lihat di waktu umat Islam sedang menghadapi serangan oleh musuh, ada orang Islam yang sanggup membunuh orang Islam lain kerana perbezaan fahaman berkenaan ajaran Islam."

"Sudah tentu yang mendapat manfaat adalah musuh Islam. Dengan perkataan lain orang Islamlah yang sebenarnya menolong musuh untuk menjayakan hasrat mereka," katanya ketika merasmikan Majlis Perujian Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-46, di sini.

Ayat-ayat al-Quran menurut beliau, tidak boleh dipertikaikan, diubah atau dimansuhkan tetapi kefahaman terhadap ayat-ayat itu bergantung pada pentafsir yang terdiri daripada manusia biasa.

"Kefahaman kita terhadap ayat-ayat ini bergantung kepada pentafsir, yang terdiri daripada manusia biasa yang tentu tidak terlepas daripada kesilapan walaupun amat alim dan arif," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, al-Quran telah memberi panduan pada penganut agama Islam secara menyeluruh supaya Islam benar-benar menjadi cara hidup tetapi biasanya banyak ayat dan isi kandungannya tidak mendapat perhatian yang seimbang.

Perdana Menteri juga mengatakan fatwa yang dibuat tanpa kajian dan persetujuan alim ulama secara tersusun serta teratur dengan berpandukan pada al-Quran dan hadis dan mengambilkira penjelasan oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan akan mengelirukan serta merugikan umat Islam.

Pendapat bahawa hanya penguasaan ilmu agama yang memberi pahala dan penguasaan ilmu-ilmu lain tidak mendapat ganjaran turut menyebabkan umat Islam ketinggalan, lemah, mudah terpedaya dan dikuasai oleh orang lain.

"Benarkah orang yang mempunyai ilmu yang boleh menyelamatkan agama Islam dan orang Islam tidak mendapat ganjaran yang sama dengan mereka yang mempunyai ilmu agama."

Beliau berkata, apa akan terjadi pada umat Islam jika tidak ada di kalangan mereka yang tahu dan mampu untuk menjaga keselamatan saudara seagamanya dan agama Islam.

"Jika memberi air kepada anjing yang dahaga pun mendapat pahala, tidakkah orang yang menyelamatkan umat Islam dan agama Islam juga mendapat pahala," kata Dr Mahathir.

Selain itu kata Perdana Menteri, terdapat ayat-ayat yang diutamakan dan ada yang seolah-olah diketepikan menyebabkan kita tidak mendapat panduan serta nikmat sepenuhnya daripada kitab suci itu.

Dr Mahathir berkata, bahagian dan ayat-ayat al-Quran yang mengutamakan keadilan tidak dianggap sama penting dengan proses pengadilan yang dikehendaki oleh agama Islam.

"al-Quran menegaskan bahawa apabila menghukum, hukumlah secara adil. Tidak disebut dalam al-Quran bahawa keadilan tidak penting atau proses penghakiman dan prosedur lebih penting," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan ulama-ulama yang meneliti ajaran Islam melalui al-Quran dan hadis yang sahih perlu membuat penjelasan supaya

agama sentiasa sesuai di zaman ini.

Katanya, banyak yang terdapat di zaman ini tidak terdapat 1400 tahun yang lalu .

"Soalan-soalan ini perlu dijawab dengan merujuk pada al-Quran dan hadis kerana kekeliruan berkenaan dengan apa yang disuruh dengan apa yang ditegah oleh agama mempengaruhi cara hidup kita dan menentukan sama ada orang Islam dan agama Islam hidup dan subur atau tidak," katanya

Sementara itu beliau turut berkata, ujian membaca al-Quran bukan sahaja untuk memperdengarkan ayat-ayat al-Quran tetapi juga satu usaha untuk mendekatkan kita dengan kitab suci itu dan tafsirannya.

Dr Mahathir berkata, sememangnya sukar bagi orang Islam biasa untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang merupakan tugas bagi ulama dan orang-orang yang alim dalam bidang agama.

"Tetapi terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang dapat menjadi panduan kepada kita semua tanpa dikelirukan dengan tafsiran-tafsiran yang berbeza," kata Perdana Menteri.

Yang turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brig Jen (B) Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin.

Sultan Johor Sultan Iskandar Almarhum Sultan Ismail akan menutup Majlis Perujian Membaca al-Quran peringkat kebangsaan pada 13 Sept ini.

-- BERNAMA

MHI PR